

## Definisi Bandar dan Luar Bandar Oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Banci Penduduk dan Perumahan 2010

Definisi bandar bagi Banci 2010 ialah “kawasan yang diwartakan serta kawasan tepu bina yang bersempadan dengannya dan gabungan kedua-dua kawasan ini mempunyai penduduk 10,000 orang atau lebih semasa Banci 2010” atau kawasan pembangunan khusus yang boleh dikenal pasti kawasannya yang mana sekurang-kurangnya mempunyai penduduk 10,000 orang dan sekurang-kurangnya 60 peratus penduduknya yang berumur 15 tahun dan ke atas terlibat dalam aktiviti bukan pertanian.

Kawasan tepu bina ditakrifkan sebagai kawasan yang terletak bersebelahan kawasan yang diwartakan dan mempunyai sekurang-kurangnya 60 peratus penduduk (berumur 15 tahun atau lebih) terlibat dalam aktiviti bukan pertanian.

Kawasan pembangunan khusus adalah kawasan pembangunan yang tidak diwartakan dan boleh dikenal pasti serta terpisah dari mana-mana kawasan yang diwartakan atau kawasan tepu bina melebihi 5 km serta kawasan berkenaan mempunyai penduduk sekurang-kurangnya 10,000 dengan 60 peratus dari penduduknya yang berumur 15 tahun dan ke atas terlibat dalam aktiviti bukan pertanian.

Definisi aktiviti pertanian meliputi aktiviti penduduk dalam penanaman semua jenis tanaman dan nurseri, pembiakan dan penternakan semua jenis haiwan. Ia juga termasuk penangkapan, pengumpulan, pembiakan, penanaman dan penternakan hidupan laut. Juga ia meliputi aktiviti pembalakan iaitu penebangan kayu balak dan pengeluaran kayu dalam bentuk kasar seperti ‘pit props’ atau kayu api. Ini termasuk penarikan serta pengangkutan kayu balak di dalam hutan.

Kajian tepu bina dijalankan bagi mengkaji dan mengenalpasti BP-BP (Blok Perhitungan) tepu bina tahun 2010. Kawasan yang dikenalpasti sebagai tepu bina dikemaskini supaya selaras dengan ciri-ciri/definisi bandar yang telah dinyatakan. Seterusnya, setiap BP dikelaskan kepada empat strata seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di mana kawasan **luar bandar** terdiri daripada **Strata 3 dan Strata 4**.

Strata	Bilangan Penduduk
Strata 1	75,000 dan lebih
Strata 2	10,000 hingga 74,999
Strata 3	1,000 hingga 9,999
Strata 4	Kurang dari 1,000

Jadual 1 : Pengelasan Strata Bagi Banci Penduduk dan Perumahan 2010